tindakan yang perlu untuk melaksanakan perintah-perintah ini.

(f) Kos prosiding ini hendaklah ditetapkan oleh Penolong Kanan Pendaftar dan dibayar oleh plaintif kepada defendan-defendan.

PENDAKWA RAYA

lwn.

ZAINAL ABIDIN BIN MT. SHARIF

MAHKAMAH TINGGI, TAIPING
DATO' HJ. ABDUL MALIK B.
HJ. ISHAK PK
[KES JENAYAH PERAK BIL. 58-9-92(91)]
6 FEBRUARI 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada pembelaan harus dipanggil - Agent provocateur - Tertuduh ditangkap di dalam perangkap polis - Persoalan rangkaian keterangan - Isu identiti barang kes - Barang kes dalam simpanan Jabatan Kimia - Tiada keterangan berkenaan penjagaannya - Tiada keterangan bila dadah diperiksa dan dianalisa - Sama ada rangkaian keterangan terputus - Kegagalan memanggil saksi-saksi - Sama ada s.114(g) Akta Keterangan terpakai - Keterangan saksi pendakwa - Percanggahan - Kegagalan keratan kuku tertuduh dihantar untuk analisa kepada Jabatan Kimia - Sama ada mencacatkan kes pendakwa - Sama ada keraguan munasabah timbul - Sama ada pembelaan harus dipanggil.

Tertuduh telah ditangkap di dalam satu perangkap polis dengan bantuan *agent provocateur*. Tertuduh telah didatangi oleh polis yang bertindak sebagai *agent provocateur* (SP6 & SP4) bagi membeli dadah ganja sebanyak 4 kilogram dari tertuduh dan perbincangan bagi pembelian dadah ganja berjalan untuk beberapa hari. Hasil dari usaha ini tertuduh telah mengaturkan bagi menjual dadah ganja kepada SP6 & SP4 di mana satu pertemuan bagi transaksi tersebut diuruskan. Dipertemuan yang diaturkan, tertuduh telah mengharapkan dadah berkenaan dibawa oleh seorang yang datang dengan memandu sebuah lori bernombor KY 8175 tetapi apabila lori tersebut tiba pemandunya telah memaklumkan bahawa dadah tersebut tidak dibawanya dan SP4 telah memanjat ke atas lori itu untuk memeriksa tetapi gagal menjumpai ganja berkenaan. Setelah SP4 memaklumkan tertuduh bahawa beliau tidak mahu membeli dari tertuduh kerana kegagalan tertuduh menghantar dadah yang dipesan, tertuduh telah menaiki basikalnya dan pergi untuk mengambil bekalan ganja itu sendiri dan SP6 dan SP4 berbual dengan pemandu lori tersebut sementara menunggu tertuduh.

Tertuduh pulang ke tempat yang sama kemudian dengan satu bungkusan plastik di depan raga basikal yang dinaikkan. Setibanya tertuduh beliau menyerahkan bungkusan plastik tersebut kepada SP4. Setelah memeriksa bungkusan tersebut SP4 memanggil tertuduh untuk membuat pembayaran. Apabila tertuduh mendekati SP4 beliau telah mengenalkan dirinya sebagai polis dan menangkap tertuduh. Pemandu lori tersebut pun terus melarikan diri dan gagal ditangkap oleh pihak polis. Di dalam lori tersebut seorang kanak-kanak perempuan berusia 9 tahun dijumpai sedang tidur dan telah dipulangkan ke pangkuan ibunya oleh pihak polis. Bungkusan yang diberi oleh tertuduh kepada SP4 telah dihantar ke Jabatan Kimia dan ahli kimia (SP9) telah mengesahkkan bahan dibawa di dalam beg plastik berkenaan sebagai ganja menurut Akta Dadah Berbahaya 1952, yang beratnya 3561 gram. Tertuduh telah dituduh di bawah s.39B(1)(a) ADB 1952. Diperbicaraan Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah tidak mengutarakan keterangan sama ada tindakan untuk mengesan pemandu tersebut telah diambil atau tidak dan tiada penerangan mengapa sekiranya tidak. Persoalan sama ada tuanpunya lori itu sendiri yang memandu lori tersebut telah didapati oleh Mahkamah tidak dimaklumkan oleh pendakwaan kepada Mahkamah. Kanak-kanak yang dijumpai di dalam lori tersebut juga tidak dipanggil oleh pendakwa sebagai saksi.

Mahkamah telah juga mendapati tiada keterangan diberi berkenaan bila dadah tersebut telah diperiksa dan dianalisa oleh SP9 dan juga berkenaan penjagaannya. Mahkamah menimbangkan sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pendakwaan terhadap tertuduh.

Diputuskan:

[1] Walaupun adalah hak pendakwaan untuk menentukan sama ada hendak memanggil seseorang saksi atau tidak, adalah perlu diingati adalah hak Mahkamah bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan membuktikan kesnya dengan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah.

[2] Kegagalan pendakwaan memberi keterangan tentang pemandu lori berkenaan yang merupakan seorang saksi yang penting dan material sama ada beliau dapat dikesan atau tidak dan mengapa sekiranya tidak, menimbulan keraguan sama ada beliau dapat dipanggil atau tidak. Memandangkan keterangan ini tidak diberi oleh pendakwaan Mahkamah akan memberi faedah keraguan kepada tertuduh dan menganggap pemandu tersebut boleh dipanggil oleh pendakwaan. Berikutan ini kegagalan pendakwaan memanggilnya sebagai saksi menimbulkan inferen bahawa beliau akan memberi keterangan yang tidak memihak kepada kes pendakwaan.

[3] Kegagalan pendakwaan memanggil kanak-kanak tersebut yang dijumpai di dalam lori tersebut juga menimbulkan inferen yang sama.

[4] Pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa sepanjang masa sebelum barang kes dikemukakan kepada Mahkamah ianya sentiasa berada di dalam jagaan yang kemas baik dan selamat.

[5] Kegagalan pendakwaan memberi keterangan berkenaan bila SP9 memeriksa dan menganalisa dadah berkenaan serta tiada keterangan mengenai penjagaannya oleh SP9 semasa disimpannya selama 4 bulan 13 hari juga menimbulkan keraguan berkenaan keselamatan dan identiti barang kes itu.

[6] Di dalam kes pendakwaan terdapat dua versi berkenaan barang yang berada di dalam raga basikal yang ditunggang oleh tertuduh berada. Fakta bahawa pihak polis telah gagal mengesan cap jari tertuduh di atas bungkusan tersebut tetapi keratan kuku tertuduh telah tidak diambil untuk dianalisa oleh ahli kimia juga melemahkan kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan di mana faedahnya diberi kepada tertuduh.

[7] Oleh sedemikian Mahkamah mendapati pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh.

[Tertuduh dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri].

Kes-kes yang dirujuk:

Zahari bin Yeop Baai & Anor lwn. PP [1980] 1 MLJ 160 ***(dirujuk)***

Munusamy lwn. PP [1987] 1 MLJ 492 MA / [1987] 1 CLJ 250 ***(dirujuk)***

Sun Kum Heng lwn. PP [1993] 1 CLJ 109 ***(diikuti)***

Shamsuddin bin Hassan & Anor lwn. PP [1991] 3 MLJ 314 DI 316 / 1991] 3 CLJ 2414 ***(diikuti)***

Teoh Hoe Chye lwn. PR [1987] 1 MLJ 220 MA / [1987] 1 CLJ 471 ***(diikuti)***
Mohd Osman bin Pawan lwn. PR [1989] 2 MLJ 110 MA / [1989] 2 CLJ 388 ***(diikuti)***
Abdullah lwn. PR [1991] 2 MLJ 235 / [1991] 2 CLJ 853 ***(diikuti)***
Yeoh Kia Heng lwn. PR [1992] 1 CLJ 364 ***(diikuti)***
Seneviratne lwn. R. [1936] 3 All ER 35 ***(dirujuk)***
PR lwn. Saw Ah Kow [1993] 2 CLJ 232 ***(dirujuk)***
Abdullah Zawawi lwn. PR [1985] 2 MLJ 15 MA / [1985] 2 CLJ 2 ***(dirujuk)***
A. Gabriel & Anor. lwn. PP [1957] MLJ 83 ***(dirujuk)***
Khoon Chye Hin lwn. PP [1961] MLJ 105 ***(dirujuk)***
Wong See Har lwn. PP [1968] 1 MLJ 32 ***(dibezakan)***
Tan Puan Chye lwn. PP [1981] 2 MLJ 282 ***(dibezakan)***
Abdul Jalil bin Abdul Satar lwn. PP [1991] 2 MLJ 194 MA / [1991] 2 CLJ 1089 ***(dirujuk)***
PR lwn. Tay Bee Seng [1993] 1 CLJ 526 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, s.39B(1)(a) & 39B(2)
Kanun Acara Jenayah, s.180
Akta Keterangan 1950, s.114(g)

Bagi pihak Pendakwa Raya - Murtazadi Amran, DPP
Bagi pihak tertuduh - Paramjit Singh (Jula Singh bersama beliau)

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Abdul Malik B. Hj. Ishak PK:
Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah di atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 9 Februari, 1991 lebih kurang pukul 11.35 malam di halaman bahagian hadapan rumah No. K 161. Kg. Sungai Tinggi, Trong, Taiping dalam daerah Larut dan Matang, dalam negeri Perak, bagi pihak kamu sendiri, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu "ganja" seberat 3516 gram dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s.39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (Undang-undang Malaysia, Akta 234) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pendakwa adalah seperti berikut:

Di atas arahan TPP Idris bin Ismail, PPP Mohd. Isa bin Abdul Wahab (SP4) dan Det. Sgt. Major 56790 Saidin bin Md. Isa (SP6) telah bertindak sebagai ejen-ejen *provocateur* (ejen-ejen perangkap) dan pergi ke Sungai Kerang untuk mengesan seorang lelaki Melayu bernama Din atau lebih dikenali sebagai Lebai ("sasaran") yang kononnya bergiat menjual dadah. Tindakan untuk mengesan sasaran bermula pada 2 Februari 1991 jam 10.50 pagi di mana Mohd Isa berserta dengan Saidin telah bertolak daripada Ipoh ke Taiping untuk berjumpa sumber. Sampai di Taiping, setelah bertemu sumber, mereka bertiga pun (Mohd Isa, Saidin dan sumber) telah pergi ke Sungai Kerang untuk mengesan sasaran. Malangnya sasaran telah pergi ke Pantai Remis. Oleh yang demikian mereka tidak berjaya bertemu sasaran.

Pada 5 Februari 1991 jam 3.05 petang Mohd. Isa dan Saidin bertolak ke Taiping untuk bertemu sumber. Di Taiping mereka bertiga berbincang dan ekoran daripada perbincangan itu diputuskan bahawa Mohd Isa akan menggunakan nama samaran "Redzuan", manakala Saidin akan menggunakan nama samaran "Din". Jam lebih kurang 8.00 malam ketiga-tiga mereka terus bertolak ke Sungai Kerang di mana sumber membawa Mohd Isa dan Saidin ke sebuah kedai kopi Melayu (kedai kopi kepunyaan bapa sasaran). Di dalam kedai kopi tersebut sumber telah menunjukkan sasaran kepada Mohd Isa dan Saidin. Pada masa itu sasaran sedang sibuk membuat roti canai. Mohd Isa minta sumber untuk memberitahu sasaran bahawa beliau (Mohd Isa) ingin bertemunya. Sumber terus menghampiri sasaran dan selepas itu beritahu Mohd Isa bahawa sasaran minta mereka ikutnya ke rumah selepas sasaran selesai membuat roti canai. Lebih kurang 8.15 malam sasaran kelihatan meninggalkan kedai kopi dengan menaiki sebuah motosikal AAZ 5438. Lima belas minit kemudian mereka bertiga menyusul dari belakang dengan menggunakan sebuah kereta. Di pertengahan jalan mereka sesat jalan. Sumber terlupa rumah sasaran. Nasib baik mereka nampak sasaran yang sedang menunggang motosikal yang sama daripada arah bertentangan. Mohd Isa terus memperkenalkan dirinya sebagai Redzuan dan Saidin sebagai Din kepada sasaran. Sasaran dijemput masuk ke dalam kereta, dan di dalam kereta mereka berbincang. Mohd Isa bertanya kepada sasaran berkenaan bekalan ganja. Sasaran berkata bahawa bekalan ganja banyak dan harga satu kartus ialah RM2. Jika beli banyak, mengikut sasaran, harga dapat dikurangkan kepada RM1.50 dan jika beli dalam bentuk kilogram, harga satu kilo ialah RM1,400. Mohd Isa memberitahu sasaran bahawa harga RM1,400.00 terlalu mahal dan jika dapat dikurangkan ia (Mohd Isa) ingin membeli lebih sedikit. Sasaran berkata ia perlu bincang dengan taukehnya terlebih dahulu dan meminta mereka datang semula pada 6 Februari 1991 selepas 12.00 tengah hari.

Sasaran dicamkan sebagai tertuduh.

Pada 6 Februari 1991 jam 9.00 pagi Mohd Isa memberi taklimat kepada TPP Idris bin Ismail berkenaan perkembangan kes. TPP Idris terus mengarahkan Mohd Isa untuk menjalankan rancangan mereka.

Pada 6 Februari 1991 jam 10.00 pagi, selepas mendapat restu daripada *TPP Idris*, Mohd Isa dan Saidin bertolak ke Taiping untuk bertemu sumber. Selepas itu mereka bertiga terus pergi ke kedai kopi yang sama untuk bertemu tertuduh. Tertuduh pada ketika itu tidak berada di kedai kopi itu. Mujorlah pada lebih kurang pukul 12.50 tengah hari mereka nampak tertuduh sedang memandu sebuah kereta AL 7667 menuju ke rumahnya. Mereka ekori dari belakang dan terus singgah di rumah tertuduh. Di dalam rumah tertuduh mereka bincang berkenaan harga ganja di mana tertuduh nyatakan bahawa harga sekilo ialah RM1,500. Mohd Isa menyatakan bahawa harga itu terlalu mahal dan minta dikurangkan oleh sebab ia (Mohd Isa) ingin membeli di antara 3-4 kilo. Sekali lagi tertuduh berkata ia akan bincang dengan taukehnya dan minta mereka datang semula pada malam itu selepas 8.00 malam. Tertuduh pun memberi nombor taliponnya sebagai 887665.

Pada 6 Februari 1991 pukul 9.00 malam Mohd Isa berserta dengan Saidin bertolak ke Taiping untuk menjemput sumber. Dari Taiping mereka bertiga terus ke Sungai Kerang lebih kurang jam 10.00 malam. Di dalam perjalanan Saidin telah menalipon tertuduh dan telah diberitahu bahawa tertuduh telah pulang. Mereka bertiga pun terus ke rumah tertuduh lebih kurang jam 11.00 malam. Di rumah tertuduh perbincangan berkenaan ganja berjalan dengan rancak. Tertuduh berkata bahawa ia belum dapat berjumpa dengan taukehnya dan oleh itu tidak dapat memberi keputusan. Mohd Isa berhasrat hendak berjumpa dengan taukeh tetapi tertuduh tolak dengan alasan bahawa taukeh tidak mahu keluar. Tertuduh juga tidak mahu beritahu siapa taukehnya. Tertuduh kemudian meminta mereka datang semula pada 9 Februari 1991 jam 12.00 tengah hari di Sekolah Menengah Tat Beng, Padang Gajah. Mereka pun beredar dari rumah tertuduh.

Seperti yang dijanjikan, pertemuan berlaku pada 9 Februari 1991 jam lebih kurang 11.45 pagi di Sekolah Menengah Tat Beng. Sumber pun turut serta. Tertuduh masa itu memandu kereta AL 7667 bersama seisi keluarganya. Sementara keluarganya menonton sukan di sekolah tersebut mereka asyik berbincang berkenaan dadah. Tertuduh memberitahu bahawa harga sekilo dapat dikurangkan ke peringkat RM1,300 sahaja. Tertuduh bertanya kepada Mohd Isa jumlah yang dikehendaki. Mohd Isa memberitahu 4 kilo sahaja. Selepas itu tertuduh meminta mereka berhubung beliau (tertuduh) pada pukul 5.00 petang melalui talipon untuk menentukan masa dan tempat penyerahan dadah.

Pada 9 Februari 1991 jam 2.00 petang Mohd Isa telah memaklumkan perkembangan kes kepada TPP Idris yang kemudiannya mengarahkan supaya satu perancangan diatur untuk menangkap tertuduh. Bagi tujuan itu Mohd Isa telah mengarahkan Ketua Inspektor Mohd. Zorki bin Sa'ad (SP7) untuk mengatur anggotanya bagi tujuan menyertai operasi dan mengarahkan supaya semua anggota berkumpul di rumah rehat Taiping pada jam 5.30 petang. Genap pada pukul 5.00 petang Saidin talipon tertuduh dan diberitahu oleh tertuduh bahawa taukehnya belum pulang lagi dan meminta menalipon semula pada jam 7.30 malam. Selepas itu Mohd Isa dan Saidin berlepas ke rumah rehat Taiping. Lebih kurang jam 7.30 malam sekali lagi Saidin cuba berhubung tertuduh tetapi tidak berjaya. Percubaan pada jam 7.50 malam juga tidak membawa kejayaan. Pada 8.30 malam Saidin berjaya menalipon tertuduh di mana tertuduh minta mereka datang ke rumahnya sebelum 12.00 malam untuk mengambil bekalan ganja sebanyak 4 kilo. Tertuduh juga dikatakan meminta mereka membawa wang yang mencukupi. Ekoran daripada ini Mohd Isa memberi taklimat pada jam 9.00 malam di rumah rehat Taiping kepada para anggota polis yang terlibat di dalam operasi. Mohd Zorki diarah, di antara lain, untuk mengepong kawasan rumah tertuduh bersama anggota-anggotanya sebelum 11.00 malam. Selesai taklimat pada jam lebih kurang 10.30 malam semua anggota bersurai - terus pergi ke destinasi masing-masing. Mohd Isa bersama Saidin bertolak ke Sungai Kerang tanpa sumber. Mereka tiba di Sungai Kerang lebih kurang pukul 11.00 malam dan mendapati kedai kopi kepunyaan bapa tertuduh sudah tutup. Mereka terus menuju ke rumah

tertuduh. Di dalam perjalanan mereka bertemu dengan tertuduh yang pada masa itu sedang menunggang sebuah basikal (P3) menuju ke arah rumahnya. Tertuduh menyuruh mereka berdua supaya menunggu di pondok talipon sementara tertuduh pergi mengurus bekalan ganja. Keadaan di pondok talipon tidak begitu sesuai maka Mohd Isa bertekad untuk terus pergi ke rumah tertuduh. Mengikut Saidin tertuduh setuju mereka berdua tunggu di rumahnya. Sesampai di rumah tertuduh Mohd Isa dan Saidin keluar daripada kereta dan berbual-bual di halaman rumah tertuduh. Tidak lama kemudian tertuduh pun sampai dengan menungggang basikal (P3) yang sama. Tertuduh beritahu Mohd Isa bahawa barang sudah ada dan mengajak beliau (Mohd Isa) untuk pergi mengambil barang itu. Mohd Isa berkeras dan meminta supaya bekalan ganja itu dihantar ke tempat beliau (Mohd Isa) menunggu. Tertuduh terus menaiki basikalnya (P3) sekali lagi dan terus menuju ke hala pekan Sungai Kerang. Lebih kurang 5 minit kemudian tertuduh kembali semula dengan basikal (P3) yang sama.

Mengikut Mohd Isa basikal itu adalah sebuah basikal perempuan yang mempunyai bakul di hadapan handalnya. Sebenarnya basikal ini (P3) telah dicamkan oleh beberapa orang saksi pendakwa.

Setakat ini apa yang berlaku dilihat oleh Mohd Zorki, Det./Kpl 73878 Abu Samah (SP8) berserta dua anggota polis yang lain, yang pada masa itu telahpun mengambil tempat masing-masing di sekeliling rumah tertuduh.

Sekembalinya tertuduh, ia memberitahu bahawa sekejap lagi bekalan ganja akan sampai dengan lori. Tidak lama kemudian muncul sebuah lori KY 8175 - ianya berhenti tidak jauh daripada simpang masuk ke rumah tertuduh. Seorang lelaki Melayu keluar daripada lori tersebut dan menuju ke arah Mohd Isa, Saidin dan tertuduh. Mengikut Saidin tertuduh bertanya: "Mana barang itu?" Pemandu lori jawab: "Ada sana juga, tidak bawa mari". Mohd Isa memanjat ke atas lori tersebut (lihat gambar-gambar P2D, P2E, P2F, P2G dan P2H) untuk memeriksa tetapi gagal menjumpai ganja. Di dalam keadaan sebegini rupa Mohd Isa berkata: "Kalau begini saya tidak mahu beli, saya mahu balik". Mohd Isa pun terus menuju ke keretanya. Pada saat ini tertuduh kelihatan menaiki basikalnya (P3) semula ke arah pekan Sungai Kerang. Mohd Isa diberitahu oleh Saidin bahawa tertuduh pergi mengambil bekalan ganja. Sementara itu Mohd Isa dan Saidin berbual-bual dengan pemandu lori.

Ingin dinyatakan di sini bahawa Mohd Zorki dan Abu Samah melihat apa yang berlaku setakat ini daripada tempat yang mereka berada - iaitu berhampiran tempat kejadian. Juga mengikut pegawai siasatan (Inspektor Syed Talib b. Syed Abu Bakar (SP1)) tuanpunya berdaftar lori KY 8175 adalah Abdul Rahim bin Yusof.

Lebih kurang jam 11.30 malam tertuduh kembali semula dengan menaiki basikal yang sama (P3). Mengikut Saidin ia nampak satu bungkusan plastik di depan raga basikal. Kali ini Mohd Isa dan Saidin nampak tertuduh mengeluarkan dari dalam bakul basikal (P3) satu beg plastik dan terus menyerahkan kepada Mohd Isa. Mengikut Saidin, apabila tertuduh menyerahkan bungkusan plastik itu kepada Mohd Isa, tertuduh berkata: "Nah barang dia. Periksa dulu". Mohd Isa pun tersenyum sambil menjawab mesti dan terus keluarkan kunci sambil mengorek bungkusan itu dan mencium isi kandungannya. Mohd Isa terus bertanya: "Siapa hendak terima duit?" (Mengikut Saidin tertuduh berkata: "Bagi kepada pemandu" dan pemandu kata: "Bagi kepada tertuduh". Mengikut Mohd Isa, tertuduh berkata "Beri kepada pemandu lori" dan pemandu lori kata: "Bukan saya punya - bagi kepada Lebai.") Seterusnya, Mohd Isa memanggil Lebai (iaitu tertuduh) untuk memberi wang kepadanya. Apabila tertuduh mendekati Mohd Isa, Mohd Isa memperkenalkan dirinya sebagai: " Kami Polis" dan terus menangkap tertuduh. Pada masa itu juga pemandu lori melarikan diri dan Saidin terus teriak "Bantuan". Mendengar teriakan Saidin, Mohd Zorki, Abu Samah dan dua anggota polis yang lain yang mengepong rumah tertuduh terus meluru keluar dan memberi bantuan.

Mengikut Mohd Zorki ia telah mengejar seorang lelaki yang pada masa itu telah melarikan dirinya tetapi tidak berjaya menangkap orang itu. Percubaan untuk mengesan lelaki itu di kawasan semak dengan bantuan Abu Samah dan konstabal Det. Fauzi tidak juga membawa kejayaan.

Di dalam lori tersebut pihak polis telah berjumpa dengan seorang budak perempuan

yang berusia 9 tahun dan dengan pertolongan tertuduh telah dikembalikan kepada ibunya yang tinggal di nombor 66, Kampong Sungai Tinggi Terung. Nama budak perempuan itu ialah Zainab bte Ramli.

Ahli Kimia, Puan Norhayati bte Ali (SP9) telah memeriksa, menganalisa dan mengesahkan bahawa daun-daun kering yang mampat itu yang dibawa oleh tertuduh di dalam plastik beg kuning (P9A, P9B dan P9C) adalah ganja (cannabis) (P10E dan P10F) seperti ditafsirkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Jumlah berat bersih ganja itu adalah 3516 gram.

Di akhir kes pendakwa dan setelah mendengar hujah-hujah pengulung, Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh (s.180 Kanun Acara Jenayah, *Zahari bin Yeop Baai & Anor v. PP* [1980] 1 MLJ 160 dan *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 MA). Dengan itu Mahkamah membebaskan dan melepaskan tertuduh di atas pertuduhan tersebut.

Ingin ditegaskan di sini bahawa beban membukti yang dipertanggungjawabkan kepada pendakwa adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa jua peluang untuk menonjolkan kecacatan kes pendakwaan.

Kecacatan kes pendakwaan yang amat ketara ialah berkenaan isu identiti barang kes. Mengikut keterangan, ahli kimia (SP9) menerima barang kes yang bermeteri "Polis Di Raja Malaysia 92" daripada Syed Talib pada 13 Februari 1991 jam 2.35 petang. Setelah menerima barang kes, ahli kimia telah menyimpannya di dalam almari berkunci dan kunci kepada almari tersebut disimpan oleh ahli kimia. Kemudian menurut ahli kimia beliau telah memotong dua bungkusan bertanda ST4 dan ST5 untuk mengeluarkan isi kandungannya yang pada ketika itu berbentuk "slab" (P10A dan P10B) terdiri daripada bahan tumbuhan yang termampat (P10E dan P10F). Ahli kimia seterusnya telah memeriksa dan menganalisa bahan tumbuhan tersebut di mana beliau mengesahkan bahawa ianya ganja (cannabis) seperti ditafsirkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Selesai berbuat demikian ahli kimia telah membungkus barang kes di dalam peket plastik berlabel no: makmal (IP) 1204/91 dan kemudiannya dimasukkan ke dalam bungkusan yang sama (P8) bertanda "ST" dan dimeterikan "Jabatan Kimia Ipoh 2". Selepas itu ahli kimia simpan bungkusan yang bermeteri kimia itu (P8) di dalam almari berkunci di mana kuncinya dipegang oleh beliau. Pada 26 June 1991 jam 10.45 pagi bungkusan yang bermeteri kimia itu (P8) bersama-sama dengan laporan kimia diserahkan kepada Syed Talib.

Tidak ada keterangan langsung yang menunjukkan bila sebenarnya ahli kimia mula memeriksa dan menganalisis barang kes. Adakah pemeriksaan dan analisis itu dilakukan pada 13 Februari 1991 atau pada 14 Februari 1991 atau pada bila-bila masa sebelum barang kes itu dipulangkan kepada Syed Talib? Adakah pemeriksaan dan analisis itu dilakukan pada satu hari sahaja atau dalam satu minggu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh ahli kimia untuk menjaga keselamatan barang kes **semasa dan sesudah** diperiksa dan dianalisa olehnya? Memandangkan bahawa barang kes berada dengan ahli kimia selama 4 bulan 13 hari banyak persoalan boleh dibangkitkan berkenaan keselamatan barang kes itu. Ada keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat 3 orang ahli kimia (termasuk SP9) yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan dan analisis kes-kes ganja. Besar kemungkinan (ini adalah satu inferen yang munasabah) bahawa semasa ahli kimia (SP9) memeriksa dan menganalisis barang kes rakan sejawatnya yang lain pun sedang sibuk memeriksa dan menganalisis kes-kes ganja yang berasingan. Langkah-langkah penjagaan yang rapi diperlukan di dalam kes-kes seperti ini memandangkan bahawa sukar untuk membezakan di antara satu ganja dengan ganja yang lain dan dengan itu pertukaran boleh dan mungkin berlaku. Pertukaran ini boleh berlaku oleh sebab semasa menjalankan analisa, ahli kimia (SP9) telah menghuraikan ganja yang mampat itu. Di dalam kes ini pendakwa telah gagal mengemukakan keterangan-keterangan yang perlu untuk menunjukkan bahawa barang kes telah dijaga dengan rapi oleh ahli kimia (SP9) **semasa** beliau memeriksa dan menganalisanya.

Banyak keputusan Mahkamah Agong yang telah memutuskan bahawa perhatian yang berat terhadap keselamatan barang-barang kes perlu ditekankan supaya keraguan yang serius berkenaan identiti barang kes tidak timbul langsung.

Di dalam kes *Sun Kum Heng v. PP* [1993] 1 CLJ 109 Edgar Joseph Jr. HMA di dalam penghakiman Mahkamah menyatakan:

> It goes without saying that the burden was upon the prosecution from beginning to end and from first to last to prove beyond reasonable doubt that the subject matter of the charges, being the revolver (P3) with the ammunition in it (P9B), which had been produced in the Court below was the very thing described as a revolver, which had been snatched from the hand of the appellant on the date and at the time and place mentioned in the charges.

Di dalam nada yang sama, Harun Hashim HMA di dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor v. PP* [1991] 3 MLJ 314 terutama muka surat 316 berkata:

> There was no explanation what PW4 did with the drugs for more than five hours before he handed it over to the investigation officer. We are of the view that these are serious gaps in the chain of evidence with regard to the drugs thrown out of the car and the exhibits produced in court. On this ground alone, the appellants should not have been called upon to enter into their defence.

Sekali lagi di dalam kes *Teoh Hoe Chye lwn. PR* [1987] 1 MLJ 220 Mahkamah Agong telah mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dengan alasan bahawa kegagalan pendakwa mengemukakan keterangan berhubung dengan penjagaan barang kes oleh Supt. Lum semasa barang kes itu berada di dalam jagaannya membawa parah kepada kes pendakwa. Di dalam kes tersebut Abdul Hamid HB (Malaya) (pada masa itu) berkata di muka surat 229:

> ... There was no evidence adduced by the prosecution to show exactly what had happened to the exhibits between the time of handing over by Supt. Low to Supt. Lum and the subsequent examination by the chemist.
>
> The following question may be asked: what did Supt. Lum do with the exhibits after he received them from Supt. Low; where did he keep them; were they kept under lock and key; and did Supt. Lum return to Supt. Low the very same exhibit he received from Supt. Low. The answers to these questions are highly pertinent to a proper determination of the identity of the exhibits.
>
> ... where a doubt as to the identity of an exhibit arises, a failure to adduce evidence to provide the necessary link in the chain of evidence would be fatal to the prosecution case.

Berikutnya di dalam kes *Mohd Osman bin Pawan lwn. PR* [1989] 2 MLJ 110, Mahkamah Agong memutuskan bahawa pendakwa telah gagal membuktikan pertalian keterangan yang berterusan berhubung barang kes yang menjadi sabjek pertuduhan. Pihak kastam telah dipersalahkan kerana tidak menjaga barang kes dengan rapi. Muhamed Yusoff HMA di muka surat 112 menyatakan dengan nada yang serius:

> It was also submitted that the evidence shows the shoddy manner the exhibits were kept in the customs strong room.
>
> We feel that the point was correctly taken by the appellant. In a serious case, such as this, it is pertinent to emphasize once again that investigation officers should not treat the custody of exhibits lightly so as to leave a gap in the chain of evidence relating to the exhibits before their production to the Court.

Di dalam kes *Abdullah lwn. PR* [1991] 2 MLJ 235 Mahkamah Agong telah memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwa memanggil saksi yang telah menerima dan menyimpan barang-barang kes itu dari tahun 1985 hingga tahun 1989 adalah satu kegagalan yang serius dalam konteks kes itu. Oleh itu, Mahkamah Agong memutuskan bahawa dalam keadaan yang demikian terdapat talian keterangan yang terputus yang membawa kepada keraguan berkenaan dengan barang kes. Hashim Yeop A. Sani HB (Malaya) di dalam penghakiman Mahkamah di muka surat 237 menyatakan:

> Tetapi fakta kes berbeza di antara satu dengan lain dan kewajipan pendakwa dalam satu-satu kes ialah untuk membuktikan kes itu dengan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada Mahkamah. Kes hendaklah dibuktikan dengan kemas tanpa keraguan atau persoalan yang boleh dibangkitkan berkenaan dengan barang kes. Lihat juga *Teoh Hoe Chye v. PP* di muka surat 229. Janganlah ada didapati tali keterangan yang putus sehingga membawa kepada keraguan berkenaan dengan barang kes.

Isu identiti barang kes telah juga dibangkitkan oleh perayu di dalam kes *Yeong Kia Heng lwn. PR* [1992] 1 CLJ 364 dan Gunn Chit Tuan HMA di dalam penghakimannya berkata di muka surat 366:

> Berdasarkan kepada keterangan yang tersebut di atas wujudlah satu keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes. Memandangkan kepada keterangan sebegini rupa berkenaan dengan identiti-identiti barang kes, perayu sememangnya tidak dikehendaki dipanggil untuk membela dirinya di atas pertuduhan itu.

Berpandukan kepada kes-kes tersebut di atas, jelas bahawa undang-undang terkini meletakkan di atas bahu pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa sepanjang masa sebelum barang kes dikemukakan kepada Mahkamah ianya senantiasa berada di dalam jagaan yang kemas, baik dan selamat. Dengan kata lain, kawalan yang rapi perlu dikenakan ke atas barang kes sebelum ianya dikemukakan kepada Mahkamah buat pertama kalinya. Seberang keraguan yang timbul berkenaan identiti barang kes, mesti diberi kepada tertuduh.

Selalunya pihak pendakwa akan mengemukakan rangkaian keterangan yang tidak terputus semasa barang kes di dalam jagaan polis atau kastam sehingga ianya dibawa ke Mahkamah. Tidak ada sebab kenapa rangkaian keterangan berkenaan barang kes semasa ianya di dalam jagaan ahli kimia (SP9) atau dengan lebih amnya, di dalam jagaan Jabatan Kimia tidak boleh dikemukakan oleh pihak pendakwa. Bahawa identiti barang kes semasa di dalam jagaan ahli kimia perlu disahkan dengan rapi tanpa keraguan dapat dinilai dan dihayati dengan lebih berkesan lagi apabila dilihat dari segi fakta yang tidak boleh dipertikaikan iaitu barang kes berada dengan ahli kimia (SP9) selama 4 bulan 13 hari, satu jangka masa yang agak lama. Tidak ada keterangan langsung yang dikemukakan oleh pihak pendakwa tentang penjagaan barang kes **semasa** ia diperiksa dan dianalisa, dan sama ada kawalan rapi dilaksanakan ke atas barang kes untuk mengelak daripada diusik, dicampur dengan ganja yang lain yang diperiksa oleh rakan sejawatnya. Kemuskilan timbul yang agak merunsingkan iaitu: sama ada ahli kimia (SP9) memulangkan barang kes yang sama kepada Syed Talib yang beliau (ahli kimia) terima daripada Syed Talib tempoh hari? Oleh itu pihak pendakwa perlu mengutarakan keterangan yang kukuh untuk menyangkal sebarang keraguan tentang identiti barang kes semasa ianya berada di tangan ahli kimia (SP9). Malangnya perkara ini tidak dilakukan oleh pendakwa. Oleh itu satu keraguan yang serius berkenaan identiti barang kes wujud yang membawa kecacatan kepada kes pendakwaan. Berdasarkan kepincangan ini tertuduh tidak patut dipanggil untuk membela diri dan berhak untuk dibebaskan.

Selain daripada itu kecacatan kes pihak pendakwa boleh dilihat apabila ditonjulkan persoalan berkenaan dengan - ke mana dia pemandu lori KY 8175? Pemandu lori tersebut bukan satu imaginasi tertuduh. Pemandu lori KY 8175 memang wujud. Mohd Isa dan Saidin berbual-bual dengan pemandu lori semasa menunggu kepulangan tertuduh. Mohd Zorki dan Abu Samah juga telah melihat pemandu lori dan tindakan untuk mengesan pemandu lori disemak pada malam itu oleh Mohd Zorki dengan anggota polis yang lain tidak membawa kepada kejayaan. Apa terjadi kepada pemandu lori itu? Malangnya pihak pendakwa gagal mengutarakan sebarang keterangan melalui pegawai penyiasat (Syed Talib) sama ada tindakan untuk mengesan pemandu lori itu diambil ataupun tidak dan kalau tidak diambil apa sebabnya. Syed Talib hanya menyatakan (itupun di dalam pemeriksaan balas oleh Peguam yang bijaksana) bahawa tuanpunya lori KY 8175 adalah Abdul Rahim bin Yusof. Satu persoalan timbul: Adakah Abdul Rahim bin Yusof memandu lorinya pada malam itu? Tidak ada sebarang keterangan langsung untuk menyokong atau menolak persoalan ini. Pihak pendakwa gagal membangkitkan persoalan itu kepada Mohd Isa, Saidin dan Syed Talib memandangkan Abdul Rahim bin Yusof hadir di Mahkamah sewaktu perbicaraan dan beliau juga telah ditawarkan kepada pihak pembela pada akhir kes pendakwaan.

Kanak-kanak berumur 9 tahun yang dikenali sebagai Zainab bte Ramli, yang didapati tertidur di dalam lori KY 8175 telah selamat dipulangkan kepada ibunya yang beralamat di No. 66, Kampong Sungai Tinggi, Trong. Kenapa Zainab bte Ramli tidak dipanggil oleh pihak pendakwa? Sudah tentu Zainab bte Ramli boleh memberitahu Mahkamah siapakah pemandu lori KY 8175 pada malam yang bersejarah itu. Tidak dinafikan Zainab bte

Ramli ditawarkan kepada pihak pembela pada akhir kes pendakwaan.

Pemandu lori KY 8175 dan Zainab bte Ramli boleh memberi keterangan untuk mengeluarkan intipati naratif kes pendakwaan dan sama ada mereka akan memberi keterangan yang elok atau tidak untuk pihak pendakwaan tidak boleh ditentukan sehingga mereka dipanggil oleh pihak pendakwa (lihat *Seneviratne v. R.* [1936] 3 All ER 35 dan *PR v. Saw Ah Kow* [1993] 2 CLJ 232. Tanpa pemanggilan mereka berdua sebagai saksi, Mahkamah tidak boleh berpegang kepada sikap "agak-agak" dan "kemungkinan". Sila lihat *Abdullah Zawawi v. PR* [1985] 2 MLJ 15 MA, di mana Salleh Abas KHN (pada masa itu) berkata:

> In the circumstances of this case, the Assistant Manager should have been called to explain those three matters and the office boy to explain about the windows. It may well be that if these two were called, their evidence would be favourable to the prosecution, but unless they had given their testimonies, the court cannot be sure and should not indulge in conjectures and possibilities.

Tidak dinafikan bahawa telah menjadi hak mutlak pihak pendakwa untuk menentukan sama ada hendak memanggil seseorang saksi di mana percakapannya telah dirakamkan. (lihat *A. Gabriel & Anor. v. PP* [1957] MLJ 83 dan *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] MLJ 105 CA). Sebaliknya hak Mahkamah adalah untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya dengan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah.

Sekiranya kedua-dua mereka itu (pemandu lori KY 8175 dan Zainab bte Ramli) dipanggil, inferen yang munasabah yang dapat diperbuat ialah mereka ini akan memberi keterangan yang tidak elok untuk pihak pendakwaan (lihat s.114(g) Akta Keterangan, bezakan *Wong See Har v. PP* [1968] 1 MLJ 32 dengan *Tan Puan Chye v. PP* [1981] 2 MLJ 282). Dan seperti yang dinyatakan tadi, tidak ada keterangan langsung untuk menerangkan secara munasabah kenapa pemandu lori itu tidak diutarakan ke hadapan, seorang saksi yang amat mustahak dan material sekali (*Abdul Jalil bin Abdul Satar v. PP* [1991] 2 MLJ, 194 MA). Oleh itu pihak pendakwa telah gagal mematuhi kepada beban pembuktikan yang ketat di dalam kes jenayah. Saya tidak teragak-agak lagi untuk membangkitkan inferen di bawah s.114(g) Akta Keterangan terhadap pihak pendakwa.

Ada satu lagi kecacatan kes pihak pendakwa yang perlu diutarakan.

Mohd Isa dan Saidin telah melihat tertuduh menunggang basikal (P3) di mana di raga (bakul) basikal tersebut ada bungkusan plastik yang mana menurut kedua-dua mereka tertuduh telah pegang, bawa keluar daripada raga (bakul) basikal dan serahkan kepada Mohd. Isa. Bungkusan plastik inilah yang mengandungi cannabis (P9A, P9B, P9C, P10A, P10B, P10E dan P10F). Anehnya Mohd Zorki yang pada masa itu berada lebih kurang 10 hingga 15 kaki daripada tertuduh, yang boleh memberi keterangan secara terperinci berkenaan pakaian tertuduh, berkenaan pergerakan tertuduh pada malam itu tidak nampak (masa disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana di dalam pemeriksaan utama) sama ada tertuduh membawa apa-apa barang semasa tertuduh menunggang basikal itu. Petikan keterangan Mohd Zorki adalah seperti berikut:

> Pada masa itu saya tidak nampak YKT (tertuduh) membawa apa-apa barang semasa dia (tertuduh) menunggang basikal itu. (perkataan-perkataan dalam kurungan adalah perkataan-perkataan saya).

Ini bermakna di dalam kes pendakwaan ada dua versi berkenaan bungkusan yang kononnya terdapat di dalam raga (bakul) basikal itu. Selain daripada itu Syed Talib mengaku semasa diperiksa balas oleh Peguambela yang bijaksana bahawa tindakan telah diambil oleh L/Kpl/ 66757 Abu Hanifa bin Md. Jamin (SP2) untuk mengesan cap jari di barang kes P10A yang mengandungi ganja (P10E) dan di barang kes P10B yang mengandungi ganja (P10F) tetapi tidak membawa kepada kejayaan. Syed Talib juga akui bahawa keratan kuku tertuduh tidak diambil untuk dihantar ke ahli kimia untuk dianalisa. (Terdapat banyak autoriti berkenaan pengesanan cap jari dan keratan kuku. Sebagai contoh lihat kes *PR lwn. Tay Bee Seng* [1993] 1 CLJ 526). Kecacatan-kecacatan ini melemahkan lagi kes pendakwa dan menimbulkan keraguan. Sebarang keraguan yang timbul mesti diberikan kepada tertuduh.

Justeru itu, berdasarkan alasan-alasan di atas Mahkamah mendapati pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan seterusnya membebaskan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri, daripada tuduhan yang dikemukakan.

a

b

c

d

e

f

g

h

i